



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA MENTERI SUMBER MANUSIA DENGAN EXCO-EXCO SUMBER MANUSIA (MEX KESUMA) BIL. 1/2025

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa satu Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Sumber Manusia dengan Exco-Exco Sumber Manusia Kerajaan Negeri (MEX KESUMA) Bilangan 1 tahun 2025 telah berlangsung buat pertama kalinya pada hari ini, 20 Februari 2025, bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya.
2. Mesyuarat ini diadakan berikutan hasrat YB Menteri Sumber Manusia untuk mewujudkan satu platform perbincangan bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Tujuannya adalah untuk menyelami dan memahami cabaran serta isu-isu sumber manusia di peringkat akar umbi, serta mencari penyelesaian yang holistik dan inklusif.
3. Mesyuarat pertama MEX KESUMA ini bertujuan untuk:
 - a. Memantapkan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sumber manusia;
 - b. Membincangkan isu-isu kritikal seperti pembangunan latihan kemahiran, penguatkuasaan hak pekerja dalam perundangan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, perhubungan perusahaan, kesatuan sekerja, dan perlindungan sosial; dan
 - c. Merangka strategi bersama untuk memastikan sumber manusia negara mampu bersaing dalam pasaran global yang dinamik.
4. YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia menegaskan bahawa MEX KESUMA adalah platform penting untuk memastikan dasar dan program berkaitan sumber manusia dilaksanakan secara seragam dan efektif di seluruh negara. Beliau juga menyeru semua pihak untuk bekerjasama dalam memastikan matlamat ini tercapai.
5. KESUMA berharap agar MEX KESUMA akan menjadi pemangkin kepada penyelesaian isu-isu sumber manusia secara holistik, seterusnya membawa manfaat kepada semua pihak termasuk pekerja, majikan, dan masyarakat secara keseluruhan.

6. KESUMA mengucapkan terima kasih kepada semua Exco Kerajaan Negeri yang terlibat atas komitmen dan kerjasama erat dalam menjayakan mesyuarat pertama ini.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA (KESUMA)
20 FEBRUARI 2025